

Kepimpinan Islam Teras Generasi Masa Hadapan

Oleh: Marshitah Mat Isa

KOTA BHARU: Persatuan Mahasiswa Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) menerusi Lajnah Amar Makruh Nahi Mungkar (AMRU) menganjurkan Program Wacana Kepimpinan Islam bagi membentuk peribadi soleh dan muslih.

Program itu diadakan secara atas talian (Goggle Meet) dan disempurnakan oleh tetamu jemputan iaitu Pensyarah Kias, Ustaz Mujiburrahman Mohamad Saleh selaku Ketua Pusat Kerjasama Akademik KIAS.

“Program ini menambahkan kefahaman kepada setiap pimpinan mahasiswa mengenai peribadi yang baik, di samping membentuk keperibadian yang unggul dikalangan pimpinan dalam melaksanakan tanggungjawab,” katanya.



Wacana **وإچان كقیمین اسلام**
KEPIMPINAN ISLAM
(MEMBENTUK KEPERIBADIAN SOLEH DAN MUSLIH)

22.11.2020 AHAD
9.00 P.M - 10.00 P.M
GOOGLE MEET

PENGISI:
AL-FADHIL USTAZ MUJIBURRAHMAN
BIN MUHAMMAD SALEH
KETUA PUSAT KERJASAMA AKADEMIK KIAS

Lajnah Amar Makruh Nahi Mungkar (AMRU)
Persatuan Mahasiswa
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
(PMKIAS) Sesi 2020/2021

Program Wacana Kepimpinan Islam

Dengan kefahaman dan ilmu baru yang diperolehi daripada program ini, mampu menjadikan seorang da'i mengajak mahasiswa dan insan lain ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkaran.

Justeru, Nabi SAW amat menitikberatkan tentang kepimpinan yang adil dan saksama. Oleh itu, program ini amat sesuai sekali untuk para mahasiswa di abad 2020 kini.

“Program dakwah sebegini harus diberi nafas baru supaya usaha dakwah tidak ketinggalan zaman dan sentiasa selari dengan kehendak masyarakat pada hari ini. Tugas dan bebanan yang baru digalas oleh pendakwah kini lebih mencabar. Pendakwah perlu membuat persediaan yang rapi dengan melengkapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu di dada,” katanya.

Program sebegini akan dapat memberi maklumat yang lebih banyak, kefahaman yang mendalam, teknik penyampaian yang pelbagai serta keberanian dalam mempersiapkan diri sebagai seorang da'i alaf ke-21.